UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
*CORPORATE COMMUNICATION DIVISION*

Rujukan Kami : UPM/PNC/BKK/10.2
Tarikh : 5 Februari 2010

DI HANTAR MELALUI FAX
5/2/2010

**En. Razak bin Husin**
Ketua
Pejabat Perhubungan Awam dan Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor

Tuan,

**SYARAHAN ANUGERAH MERDEKA OLEH PROFESSOR DR. HALIMATON HAMDAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Saya ingin menarik perhatian tuan bahawa Universiti Putra Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi siri Syarahan Anugerah Merdeka yang akan disampaikan oleh Y.Bhg. Professor Dr. Halimaton Hamdan, Pemenang bagi kategori *Health, Science & Technology, Merdeka Award 2009.* Untuk makluman tuan, beliau akan menyampaikan syarahan bertajuk *"Nanotechnology : Challenges and Threats"* yang akan diadakan pada **17 Februari 2010 (Rabu), jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Taklimat, UPM.**

Sehubungan itu, jawatankuasa penganjur amat berbesar hati menjemput wakil daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menghadiri program syarahan Anugerah Merdeka pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan. Sekiranya terdapat wakil UKM yang berminat untuk menghadiri syarahan ini, sila hubungi kami melalui talian **03-8946 6003/6014 (Puan Noordelila/Cik Mawar)** sebelum 12 Februari 2010.

Jasa baik tuan untuk menghebahkan maklumat program ini kepada akademia UKM amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERILMU BERBAKTI"**

**"BERILMU BERBAKTI"**

Yang menjalankan tugas,

**ABDULLAH ARSHAD**
Ketua
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi

TERIMA
- 9 FEB 2010
Pejabat Perhubungan Awam dan Korporat
UKM

Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
603-8946 6003, 603-8946 6013, 603-8946 6014, 603-8946 6011, 603-8946 7467
603-8948 7273, 603-8942 2609 cco@putra.upm.edu.my www.upm.edu.my